

# UMP terima 1,656 mahasiswa baharu

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima seramai 1,656 pelajar baharu mengikuti pengajian di universiti ini bagi kemasukan sesi akademik 2013/2014 di dua kampus, UMP Pekan dan Gambang pada 1 September 2013 yang lalu.

Lebih membanggakan 69 peratus pelajar yang berdaftar ini mempunyai kelayakan CGPA minimum 3.0 dan ke atas.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim, pada kemasukan pelajar sesi akademik ini, UMP menawarkan 32 program di peringkat prasiswazah, 27 daripadanya adalah program di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan lima program di peringkat Diploma.

"Pada tahun ini juga dua program baharu diperkenalkan iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) dengan Kepujian di bawah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dengan kerjasama Institute Technology Tallaght, Republic of Ireland.

Manakala satu lagi Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Insfrastruktur) dengan Kepujian di bawah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam dengan kerjasama University of Southern Queensland, Australia."

"UMP juga telah menawarkan dua

program Dwi-Ijazah bertaraf antarabangsa melibatkan kerjasama dengan pihak institusi pengajian tinggi di Jerman iaitu dengan Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman (HsKA).

"Program membabitkan dua bidang iaitu Kejuruteraan Automotif dan Kejuruteraan Mekatronik yang kini memasuki tahun keempat," katanya semasa bertemu dengan pelajar dan ibu bapa pada hari pendaftaran pelajar baharu di Kompleks Sukan UMP.

Beliau menambah UMP juga bakal menawarkan program Dwi-Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan (*Bussiness Engineering*) hasil kerjasama UMP dengan Reutlingen University, (RU) Jerman pada tahun hadapan. Program ini merupakan satu-satunya bidang yang masih baharu untuk memenuhi keperluan masa depan negara.

Bagi Lukman Syarif Andi Lantara, 19 dan rakanannya, Hamim Sovester, 19 yang kedua-duanya berasal dari negeri Sabah berkata, mereka memilih UMP yang terkenal dalam bidang kejuruteraan sebagai universiti pertama untuk destinasi pengajian selain program yang ditawarkan bertaraf antarabangsa.

Lebih menarik kedua-duanya pernah

menuntut di Kolej Matrikulasi Sabah dan bakal bergelar mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam.

Begitu juga dengan Sarmala A/P Krishnasamy, 19 yang berasal dari Johor tidak sabar untuk memulakan sesi pengkuliahan apalah lagi beliau adalah antara pelajar perintis bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) yang baharu ditawarkan pada tahun ini.

